

Aktiviti

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Murid membaca dan memahami petikan.
3. Bimbing murid melengkapkan ayat dengan jawapan yang sesuai.

Kemahiran Membaca

2.1.2 (iii)

TP 1

2

3

4

5

6

Capati merupakan makanan yang popular dalam kalangan masyarakat negara ini. Capati berasal dari negara India. Capati bermaksud "leper bulat".

Di Malaysia, capati diadun dengan menggunakan campuran tepung gandum, tepung atta dan air. Capati sesuai dimakan bersama-sama kuah dal atau kari. Banyak orang memilih capati kerana lebih menyihatkan berbanding dengan nasi. Capati sejenis roti yang tidak menggunakan minyak apabila dimasak dan tepung atta yang digunakan mengandungi serat dan fiber yang tinggi. Ini telah membuktikan capati memang merupakan makanan yang rendah kalori dan lemak. Secara umumnya, setiap hidangan capati mengandungi kira-kira 190 kalori.

1. Capati berasal dari negara _____.
2. Capati bermaksud _____.
3. Capati sesuai dimakan bersama-sama _____ atau _____.
4. _____ yang digunakan mengandungi serat dan fiber yang tinggi.